# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# CAWANGAN KELANTAN

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

DATO' DR AHAMAD BIN SIPON

BEKAS KETUA PENGARAH PELAJARAN PENDIDIKAN MALAYSIA

OLEH :


| | |
|---|---|
| AIMAN HAFIZ BIN MOHD SAM | 2011900151 |
| MUHAMMAD SYAZWAN BIN DZULKIFLI | 2011107215 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# DATO' DR AHAMAD BIN SIPON
# BEKAS KETUA PENGARAH PELAJARAN PENDIDIKAN MALAYSIA

OLEH :


| | |
|---|---|
| AIMAN HAFIZ BIN MOHD SAM | 2011900151 |
| MUHAMMAD SYAZWAN BIN DZULKIFLI | 2011107215 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana telah diberikan kesempatan dan peluang kepada kami untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya. Tanpa limpah kurniaNya kami tidak mampu untuk menyempurnakan projek kami ini.

Pertama sekali kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada tokoh kami iaitu Dato' Dr. Ahamad Bin Sipon iaitu bekas Ketua Pengarah Pelajaran Pendidikan Malaysia. Beliau merupakan seorang tokoh pendidik yang telah banyak berjasa dari sektor pendidikan bagi memartabatkan pendidikan di negara ini.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Nor Kamariah Binti Chik yang merupakan pensyarah kami untuk projek ini iaitu subjek pendokumentasian sejarah lisan (IMR 604). Tanpa usaha dan jasa beliau kami mampu melengkapkan projek ini dengan tunjuk ajar yang telah diberikan tanpa pernah mengenal erti penat untuk kejayaan kami dalam projek ini.

Tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga dan rakan-rakan kami yang telah banyak memberi sokongan dan galakan kepada kami untuk menyiapkan tugasan yang diberikan dengan jayanya.

Akhir kata, semoga kita semua sentiasa berada di bawah limpah kurnia Allah dan dijauhkan daripada segala bahaya dan musibah. Amin.

Sekian, terima kasih.

Aiman Hafiz Bin Mohd Sam 2011900151

Muhammad Syazwan Bin Dzulkifli 2011107215

# ABSTRAK

# ABSTRAK

***Abstrak**: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Dato' Dr. Ahamad Bin Sipon mengenai latar belakang, kerjaya, dan pencapaian beliau. Sebelum beliau bersara, beliau memegang jawatan Ketua Pengarah Pelajaran Pendidikan Malaysia yang merupakan satu jawatan yang penting bagi memastikan pendidikan dapat disanjung tinggi di negara ini. Beliau telah menceburi bidang pendidikan ini sebagai seorang pensyarah di Politeknik Ungku Omar yang terletak di Ipoh, Perak. Temubual ini khususnya adalah untuk mendapatkan maklumat tentang pengalaman dan kerjaya beliau sepanjang tempoh beliau terlibat dengan sektor pendidikan di negara ini. Melalui temubual ini dapatlah kita peroleh sedikit sebanyak maklumat yang boleh dijadikan contoh bagi memartabatkan pendidikan di negara ini.*

***Kata kunci**: Dato, Dr. Ahamad Bin Sipon, Bekas Ketua Pengarah Pelajaran Pendidikan Malaysia, SEAMEO, pendidikan Malaysia.*

# ISI KANDUNGAN

**TAJUK** | **MUKA SURAT**


**Penghargaan** .......... i

**Abstrak** .......... iii

**Biodata** .......... vi

**Pengenalan** .......... x

**Transkrip** .......... 1

Bahagian A: Latarbelakang Tokoh .......... 2

Bahagian B: Kerjaya Tokoh .......... 19

Bahagian C: Soalan Khusus .......... 30

**Log Wawancara** .......... 43

**Senarai Soalan** .......... 50

**Rujukan** .......... 37

**Lampiran** .......... 59

Surat Kebenaran: Latarbelakang Tokoh .......... 60

Surat Pengesahan Projek Wawancara .......... 61

Gambar 1: Pemberian plak penghargaan UITM kepada tokoh Dato Dr' Ahamad .......... 62

**Indeks** .......... 63

# BIODATA

# BIODATA TOKOH



**Nama sebenar** : Dato' Dr. Ahamad Bin Sipon

| | |
|---|---|
| **Tarikh lahir** | : 15 Julai 1951 |
| **Usia** | : 62 tahun (pada tahun 2014). |
| **Status** | : Berkahwin |
| **Nama isteri** | : Datin Asiah Binti Kadir |
| **Bilangan anak** | : 3 orang |
| **Nama anak** | : 1. Intan Selwani Binti Dato' Dr Ahamad |
| | 2. Intan Diyana Binti Dato' Dr Ahamad |
| | 3. Muhammad Syazwan Bin Dato' Dr Ahamad |
| **Adik-beradik** | : Anak kedua daripada 10 adik-beradik. |
| **Bekas sekolah** | : Panchor English School (sekolah rendah) |
| | Saint Andrew School (sekolah menengah) |
| | Muar High School (tingkatan enam) |

**Pendidikan Tinggi:**

1974 - Adelaide University, Australia

Bachelor of Electrical Engineering

1994 - Virginia Polytechnic Institute and State University, USA

Master of Science in Education, majoring in Vocational-Technical Education

1996 - Virginia Polytechnic Institute and State University, USA

PhD, majoring in Vocational-Technical Education.

**Cita-cita**:

Menjadi pengetua di sebuah politeknik. Kemudian menyambung pelajaran ke peringkat masters tetapi rezeki beliau berjaya sampai ke peringkat *PhD* [Doctor of Philoshopy].

**Pencapaian**:

- Pengarah, Southeast Asian Ministers of Education Organization Secretariat, 2008
- Pengarah Tentuan, Southeast Asian Ministers of Education Organization Secretariat, Oct – Dec 2007
- Ketua Pengarah, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2005 – 2007
- Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pendididkan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000 – 2004
- Pengarah Pelajaran Selangor, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999 – 2000
- Pengarah, Bahagian Pengurusan Polikteknik, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997 – 1999

- Ketua Penolong Pengarah, Unit Kurikulum, Bahagian Technikal dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989 – 1993
- Pengarah, Politeknik Batu Pahat, Malaysia, 1987 – 1989
- Pengarah, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Malaysia, 1984 – 1987
- Ketua, Electrical Engineering, Ungku Omar Polytechnic, Malaysia, 1982 – 1984
- Timbalan Ketua, Electrical Engineering, Ungku Omar Polytechnic, Malaysia, 1978 – 1982
- Ahli Lembaga, Sultan Idris University of Education, 2006 – 2008
- Ahli Jawatankuasa, Kuala Lumpur Federal Territory Sports Council, 2006 – 2008
- Ahli Lembaga, ISESCO Executive Council, 2005 – 2007
- Pengerusi Old Boys Association, St Andrew Secondary School, 2002 – 2007
- Ahli Jawatankuasa, Historical Society of Malaysia, 2005 – 2007
- Ahli Lembaga, SEAMEO RELC, 2005 – 2007
- Ahli Lembaga, Tun Hussein Onn Technology University College, 2003 – 2005
- Ahli Lembaga, SEAMEO VOCTECH, 2002 – 2007
- Ahli Lembaga, CPSC Manila, 2002 – 2004
- Ahli Lembaga, SEAMEO RETRAC, 1998 – 2001

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Kami telah diberikan tugasan di bawah kursus IMR 604, *Oral History Documentation* atau Pendokumentasian Sejarah Lisan. Kami dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UITM Kampus Machang ditugaskan untuk menjalankan satu projek pendokumentasian sejarah lisan dengan menemubual tokoh pilihan kami.

Tokoh pilihan kami ialah Dato' Dr. Ahamad Bin Sipon iaitu bekas Ketua Pengarah Pelajaran Pendidikan Malaysia merupakan seorang insan yang telah banyak berjasa dengan member perkhidmatan dan sumbangan kepada negara dalam sektor pendidikan. Beliau mula menceburi bidang ini ketika beliau bekerja sebagai pensyarah di sebuah politeknik yang terletak di Ipoh, Perak.

Beliau telah banyak memberi sumbangan sepanjang kerjaya beliau dengan memartabatkan pendidikan negara di mata dunia. Sikap beliau yang sentiasa terbuka dan berfikiran proaktif sedikit sebanyak telah menaikkan taraf pendidikan negara sepanjang kerjaya beliau.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisar tentang perbualan temubual tokoh antara Aiman Hafiz Bin Mohd Sam bersama rakan Muhammad Syazwan Bin Dzulkifli menemubual Dato' Dr. Ahamad Bin Sipon iaitu bekas Ketua Pengarah Pelajaran Pendidikan Malaysia. Temubual ini telah dijalankan di rumah beliau sendiri yang bertempat di Bandar Nusaputra Puchong Selangor Darul Ehsan. Temubual ini telah dijalankan pada 16 April 2014 pukul 10.30 pagi. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk :

**AH : Aiman Hafiz**

DAS : Dato' Ahamad Sipon

**Bahagian A: Latar Belakang Tokoh**

AH : **Bismillahirrahmainirahim. Mula-mula kami hendak minta Dato' perkenalkan diri terlebih dahulu.**

DAS : Assalamualaikum warahmatullahi wabarukatuh. Nama saya Dato' Dr. Haji Ahamad Bin Sipon. Saya dilahirkan pada *lima belas haribulan Julai tahun sembilan belas limapuluh satu* [15.7.1951] ya. Bermakna dalam bulan Julai ini umur saya cukup *enam puluh tiga* [63] tahun. Jadi saya pencen umur *lima puluh enam* [56] jadi dah hampir *tujuh* [7] tahun saya pencen (bunyi kertas). Tugas saya yang akhir sekali adalah sebagai Ketua (bunyi kertas dan alat tulis jatuh) Pengarah Pelajaran Pendidikan. Jadi tugas saya sebagai ketua pengarah daripada *satu haribulan satu tahun dua ribu lima* [1.1.2005] hingga- *empat belas haribulan Julai tahun dua ribu*

*tujuh* [14.7.2007] dan selepas itu- saya bekerja sebagai Pengarah SEAMEO Seketeriat. SEAMEO itu nama ringkasnya South East Asia Minister Education and Organization daripada- (bunyi kertas) *satu haribulan Januari tahun dua ribu lapan* [1.1.2008] (bunyi kertas) sehingga *tiga puluh satu Mac dua ribu sebelas* [31.3.2011] dan selepas itu saya terus pencen *lah* [tabiat percakapan] dan buat kerja-kerja atau perkara-perkara yang saya sukai sekarang.

**AH : Adakah Dato' gemar melancong?**

DAS : Sekarang ini saya sesekali melancong lah pasal melancong pun memerlukan perbelanjaan yang tinggi ya. Di samping itu, saya belajar Bahasa Arab, ikut kelas bahasa Arab dan juga belajar membetulkan bacaan-bacaan Quran saya lah (bunyi alat tulis) dengan beberapa orang ustaz. Semasa bekerja dulu tidak ada banyak masa untuk- membetulkan bacaan-bacaan kita. Jadi kalau saudara-saudara belum betul lagi bacaannya elok lah belajar betulkan semasa muda ini supaya senang diperbaiki supaya (suara wanita) tidak banyak (suara wanita) kesalahan-kesalahan yang kita buat pertama sekali semasa solat kita dan juga untuk- mengingatkan (suara wanita) kita ayat-ayat Quran. Jadi--- dan juga jaga cucu di rumah.

**AH : Dato' berasal dari mana?**

DAS : Saya berasal daripada Johor. Saya dilahirkan di Panchor Muar Johor. Orang Johor tapi sekarang ini sudah menetap di Selangor.

**AH : Berapa tahun Dato' menetap di Selangor?**

DAS : Lama juga sejak saya bekerja sebagai Pengarah Pelajaran Selangor. Saya pindah rumah, isteri saya beli rumah di USJ *Sembilan* [9] jadi kita pindah rumah pada tahun *dua ribu* [2000] di USJ *Sembilan* [9] dari masa itu sampai sekarang duduk di Selangor tapi insyaAllah mungkin juga kubur kita pun di Selangor *lah* [tabiat percakapan] rasanya (ketawa) dan tidak akan pindah-pindah lagi dari rumah ini.

**AH : Dato' tinggal bersama siapa?**

DAS : Saya tinggal bersama isteri saya dan bersama anak kedua saya. Anak kedua saya suaminya bekerja di Pulau Pinang. Jadi, sementara suaminya dapat tukar balik ke Kuala Lumpur anak saya akan tinggal bersama saya. Dia ada seorang anak jadi saya sentiasa jaga cucu setiap pagi.

**AH : Adakah ibu bapa Dato' masih hidup?**

DAS : Kedua-dua ibu bapa dah meninggal. Bapa saya dah meninggal pada bulan puasa yang lepas [tahun 2013]. Ibu saya meninggal dalam *lima* [5] *enam* [6] tahun yang lepas. Jadi sekarang ini kedua-dua ibu bapa dah tiada. Ibu bapa mertua pun sudah meninggal dunia.

**AH : Boleh kami tahu latar belakang ibu bapa Dato'?**

DAS : Bapa saya sebagai polis dan- jawatan yang terakhir ialah Koperal dan bertugas di Panchor iaitu tempat dia dilahirkan. Tugas terakhirnya ialah tempat dia dilahirkan iaitu sebagai *OCS* [Officer In Charge of Station] oleh kerana Panchor kampung kecil

sahaja ada beberapa orang polis dan diketuai oleh seorang koperal. Koperal itu ialah bapa saya jadi dia ambil (suara orang) *optional retirement* [pilihan bersara] pada masa *empat puluh lima* [45] tahun dia ambil, dia bersara dan lepas itu dia pergi ke kebun getah menorah dan sebagainya.

*So* [jadi], saya rasa sebab dia bersara ialah dia hendak menumpukan banyak masa untuk membuat ibadah bina masjid macam itu (bunyi peralatan elektronik) untuk lebih banyakkan masa (bunyi peralatan elektronik) daripada untuk (bunyi peralatan elektronik) beramal ibadat sampai--- saya rasa lebih banyak dapat duit bersara (bunyi peralatan elektronik) daripada dia bekerja. Daripada *empat puluh lima* [45] hingga *lapan puluh lima* [85] tahun bermakna *empat puluh* [40] tahun dalam persaraan *so* [jadi] kalau dia bekerja dalam umur *dua puluh* [20] tahun *dua puluh lima* [25] tahun bekerja jadi lebih banyak (ketawa) masa bersara daripada bekerja. Itu sesuatu yang baik rasanya dia hendak tumpukan banyak masa pergi ke surau. Rasanya semasa dia sihat, semasa dia belum kena strok boleh dikatakan tiap-tiap waktu solat itu dia solat di masjid.

**AH : Berapakah bilangan adik-beradik Dato'?**

DAS : Adik-beradik saya sepuluh orang lah, dengan *satu* [1] emak *sepuluh* [10] orang. Selepas itu, masa bapa saya kahwin seorang lagi jadi ada seorang lagi dengan mak yang lain. Jadi, boleh katakan *sebelas* [11] orang yang hidup. Ada seorang yang meninggal semasa kecil.

**AH : Adakah Dato' anak sulung daripada adik-beradik Dato'?**

DAS : Saya yang *kedua* [2]. Yang *pertama* [1] (bunyi peralatan elektronik) Ismail Sipon. Dia pun dah bersara. Dia bekerja sebagai Pegawai Mara. Sekarang dia duduk dan tinggal di Kuala Lumpur.

**AH : Adakah adik-beradik Dato' tinggal berdekatan dengan Dato'?**

DAS : *Tiga* [3] *empat* [4] orang di sini. Ada *dua* [2] orang di Seremban, ada *dua* [2] orang di Kedah. Seremban *dua* [2] orang, dekat sini ada *empat* [4] orang.

**AH : Apakah pekerjaan adik-beradik Dato'?**

DAS : Yang pertama bersara sebagai Pegawai MARA. Yang ketiga bersara sebagai Pegawai Pertanian dan dia ini perempuan *lah* [tabiat percakapan] dan dia duduk di Sungai Petani, Kedah. Dan yang lain- ini hendak tahu yang mana tua ya. Yang lelaki [merujuk kepada beliau sendiri] yang perempuan Hamidah Sipon. Dia masih bekerja sebagai pegawai *income tax* [cukai pendapatan] di Seremban. Adik dia Jamilah sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Vokasional yang dikenali sebagai kolej vokasional sekarang ini. Yang itu masih bekerja yang seorang lagi adik lelaki saya Dzulkifli Sipon. Dia bersara daripada pegawai daripada_ (beliau menghela nafas), apa nama tempat itu? *NPC* [National Productivity Center], dia dah bersara tapi dia selepas bersara dia ada buat kerja *consultancy* [perundingan], buka petrol station dan sebagainya. *So* [jadi], nampaknya dia aktif lebih aktif selepas bersara tetapi dia ambil bersara *optional* [pilihan] jadi banyak masa lagi untuk dia membuat kerja-kerja yang lebih disukainya. Adik saya seorang lagi Nor_ Zana, Zanaria dia bekerja sebagai

pensyarah di Institut Perguruan di Seremban ke? Saya ingat mungkin baru tukar di_ tidak tahu la tempatnya (ketawa) salah satu Institut Perguruan macam itu.

**AH : Siapa yang menjadi tulang belakang dan menyokong Dato' selama ini?**

DAS : Saya rasa_ yang menyokong kami, menyokong saya ialah kerajaan Malaysia, (bunyi peralatan elektronik) tetapi semasa kami kecil, (bunyi peralatan elektronik) abang saya, saya, dan adik perempuan saya, kita tinggal dengan nenek saya. Jadi nenek saya itu yang bagi semangat untuk belajar, yang bersama-sama ketika kita belajar waktu malam pada masa itu elektrik tiada pakai pelita sahaja dia bersama-sama kita dan dia lah yang jaga kami. Kami bertiga sahaja, yang lain ikut mak dan bapa saya. Jadi, dia yang menjadi (bunyi jam) sumber inspirasi kita dan yang betul-betul menolong kami ialah kerajaan Malaysia. Oleh kerana, dia dan kerajaan Malaysia bila saya masuk tingkatan *enam* [6] mula dapat biasiswa untuk semua orang Melayu pada masa itu. Ketika masuk ke tingkatan *enam* [6] (suara kanak-kanak) saya dapat (suara kanak-kanak) biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Australia di bawah *Colombo Plan Scholarship* [pelan biasiswa Colombo]. Jadi, (suara kanak-kanak) yang betul-betul menolong kami ialah kerajaan Malaysia (suara kanak-kanak). Kebanyakan daripada (bunyi pintu) adik-beradik kita pun (bunyi pintu) dapat bantuan daripada (bunyi pintu) kerajaan Malaysia.

**AH : Apakah cita-cita Dato'?**

DAS : Daripada sekarang? (Ketawa.)

AH : **Boleh kami ingin tahu cita-cita Dato'daripada kecil?**

DAS : Saya rasa *ambition* [cita-cita] saya tidak begitu tinggi sebab itu saya tidak rasa patah hati kalau tidak tercapai. Jadi, (ketawa) *ambition* [cita-cita] kita hendak kerja dengan kerajaan dan dapat kerja dengan kerajaan sebagai pensyarah di Politeknik dan *ambition* [cita-cita] saya pada masa itu untuk menjadi seorang pengetua di sebuah politeknik. Setakat itu sahaja cita-cita saya. Jadi, apa yang saya dapat selepas itu ialah, ialah *bonus* [ganjaran] *lah* [tabiat percakapan]. Jadi saya (ketawa) tidak ada *ceiling* [siling] yang tinggi untuk cita-cita saya (bunyi enjin kereta), *have a comfortable life* [mempunyai hidup yang selesa] (bunyi enjin kereta) dan dapat jadi pengetua sebuah politeknik itu pun dah cukup terbaik untuk saya. Jadi, apa yang saya dapat selepas itu, syukur alhamdulillah (suara orang) dan juga selepas menjadi pensyarah politeknik *ambition* [cita-cita] saya untuk melanjutkan pelajaran sekurang-kurangnya ke tahap *masters* [sarjana].

Oleh kerana- orang-orang yang di bawah saya banyak yang dah (suara orang) ada *masters* [sarjana] jadi sekurang-kurangnya kita ada, kalau tidak lebih pun, sama dengan mereka lah. *So* [jadi], pada usia yang agak lewat juga, lebih daripada *empat puluh* [40] baru saya melanjutkan pelajaran untuk mendapatkan *masters* [sarjana] (bunyi kertas) dan rezeki saya oleh kerana saya mungkin buat dengan begitu baik- saya diminta oleh bekas ketua saya, Tan Sri Shukor untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat *PhD* [Doctor of Philosophy]. Jadi, saya adalah salah seorang daripada penuntut yang (suara orang) tidak perlu balik (suara orang) lepas *masters* [sarjana] (suara orang) dan sambung ke *PhD* [Doctor of Philosophy] saya terus daripada

*masters* [sarjana] ke *PhD* [Doctor of Philosophy]. *So* [jadi], daripada *masters* [sarjana] ke *PhD* [Doctor of Philosophy] saya buat dalam masa *tiga* [3] tahun *tiga* [3] bulan. Jadi, mungkin sebab itu *PhD* [Doctor of Philosophy] itu bukan cita-cita saya, itu rezeki. Cita-cita untuk dapat *masters* [sarjana] tapi rezeki sampai ke *PhD* [Doctor of Philosophy].

**AH : Dimanakah Dato' mendapat pendidikan awal peringkat rendah dan menengah?**

DAS : Saya pendidikan awal di kampung. Di Panchor dahulu ada sekolah inggeris *so* [jadi] saya masuk sekolah inggeris *Panchor English School* [Sekolah Inggeris Panchor] agaknya. *So* [jadi] selama *enam* [6] tahun selepas saya darjah *enam* [6] masa itu kalau tidak lulus *you* [awak] tidak boleh sambung. Saya diminta pergi ke sekolah *Saint Andrew School* [Sekolah Saint Andrew] di Muar sampai tingkatan *lima* [5]. Selepas tingkatan *lima* [5] saya masuk ke tingkatan *enam* [6]. Semasa di *Saint Andrew School* [Sekolah Saint Andrew] tidak ada tingkatan *enam* [6]. Jadi tingkatan *enam* [6] kami daripada Sekolah Saint Andrew itu pergi ke *Muar High School* [Sekolah Tinggi Muar]. *So* [jadi] selama *dua* [2] tahun selepas lulus tingkatan *enam* [6] saya dapat biasiswa Colombo, *Colombo Scholarship* [biasiswa Colombo] dan saya pergi ke *Adelaide University* [Universiti Adelaide] selama *empat* [4] tahun untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik.

**AH : Adakah Dato' aktif di dalam kokurikulum semasa di peringkat menengah?**

DAS : Saya tidak aktif dalam kokurikulum kerana saya duduk di Panchor di Muar. Jadi kita berulang *lah* [tabiat percakapan] naik bas ke sekolah. Pagi lagi naik bas sampai ke

sekolah lepas itu habis sekolah balik rumah naik bas jugak. Jadi tidak ada masa untuk berada di sekolah pada waktu petang. Oleh sebab itu, tidak dapat ambil perhatian dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum di sekolah. Tapi semasa sekolah rendah itu adalah ambil sukan bola sepak.

**AH : Adakah Dato' pernah menyertai mana-mana pertandingan yang mewakili daerah atau sekolah?**

DAS : Masa sekolah rendah sahaja itu- apa ini pertandingan bola sepak lepas itu masuk pertandingan apa- baca Quran tapi tidak menang (ketawa). Semasa sekolah rendah dan sekolah menengah ada *lah* [tabiat percakapan] ambil bahagian- *debate* [debat]. Itu sahaja kerana kita tiada masa pada waktu petang untuk mengikuti aktiviti kokurikulum. Banyak kita *miss* [terlepas].

**AH : Dato' ambil jurusan apa semasa di universiti?**

DAS : *Electrical Engineering* [kejuruteraan elektrik].

**AH : Adakah kos itu pilihan Dato' sendiri?**

DAS : Kos itu pilihan saya. Pilihan saya. Tapi kalau masa itu pun kita pun tidak berapa- arif sangat mengenai pilihan-pilihan kursus kan. Kalau saya ada pilihan sekarang ini mungkin pilihan saya lain (ketawa). Bukan *electrical engineering* [kejuruteraan elektrik mungkin pilihan saya lain. Mungkin kursus yang mendatangkan lebih banyak duit (ketawa).

**AH : Adakah Dato' pernah bekerja sambilan?**

DAS : Tidak ada. *So* [jadi] kira *full-time student* [pelajar sepenuh masa] lah.

**AH : Boleh Dato' ceritakan sedikit pengalaman belajar di luar Negara dengan di Malaysia?**

DAS : Saya tidak boleh beritahu perbezaannya sebab saya tidak belajar di dalam negeri. *So* [jadi] saya punya *first degree* [ijazah sarjana muda pertama] pun di Australia. Saya buat *masters* [ijazah sarjana] dan *PhD* [Doctor of Philosophy] pun di USA. Jadi saya tidak boleh- bezakan antara dalam negeri dengan luar negeri.

**AH : Bagaimana pengalaman Dato' semasa di luar Negara?**

DAS : Oleh kerana saya bukan *lah* [tabiat percakapan] seorang yang begitu pandai kita berjaya sebab kita berusaha keras. Ada setengah orang dia pandai dia baca sekejap dia boleh ingat dan boleh buat kan. Ada setengah orang dia kena berusaha (suara wanita) kuat baru dia boleh (suara kanak-kanak) dapat. *So* [jadi] saya jenis orang yang berusaha- terpaksa bekerja keras untuk mendapatkan sesuatu. Jadi (suara wanita) rasa susah juga (ketawa) untuk mengikuti kursus itu terutama sekali--- walaupun kita dalam bahasa begitu bahasa Inggeris sampai tingkatan enam [6] tetapi bahasa juga menjadi sebagai apa- penghalang. Oleh kerana kita kena- semuanya dalam bahasa kan? Kita kena menjawab dalam bahasa Inggeris_ dalam bahasa Inggeris perlu cepat berfikir. Jadi sekiranya kursus itu di dalam bahasa Melayu mungkin saya boleh dapat pencapaian lebih tinggi. Oleh kerana bahasa *just imagine* [bayangkan] kalau *you* [awak] kena jawab dengan bahasa yang kita tidak--- kita mahir tapi tidak begitu mahir

sangat untuk kita mendapat dan satu pencapaian yang (suara kanak-kanak) sangat tinggi. Jadi bahasa juga menjadi satu halangan walaupun kita dah belajar bahasa Inggeris begitu lama sekali. Masih menjadi masalah untuk menulis dalam bahasa Inggeris dengan begitu baik sekali.

**AH : Adakah Dato' pernah mendapat dekan semasa di universiti?**

DAS : Dapat.

**AH : Setiap semester?**

DAS : Saya dapat semasa buat *masters* [ijazah sarjana muda]. Saya dapat *perfect* [lengkap] *four* [empat] [4]. Dia ada bagi *dean list* [senarai dekan] sekali sahaja semasa semester pertama. Selepas itu semasa- buat *masters* [ijazah sarjana] saya dapat semua A. Semua mata pelajaran A. Jadi semua yang dapat A atau *the top seven percent* [tujuh peratus ke atas] dalam universiti itu dia bagi anugerah *Pi Kappa Phi* [anugerah] untuk pelajar yang mendapat semua A atau *the top seven percent* [tujuh peratus ke atas] dalam university itu *lah* [tabiat percakapan]. Jadi, saya dapat *Pi Kappa Phi* [anugerah] dan *dean list* [senarai dekan] ada *dua* [2] *tiga* [3] kali dan untuk *PhD* [Doctor of Philosophy] pun saya dapat semua A kecuali *satu* [1] mata pelajaran dapat A *minus* [tolak] jadi tidak dapat *perfect* [lengkap] *four* [empat] [4] *in* [dalam] *three point nine nine* [3.99] macam itu. Oleh kerana *satu* [1] mata pelajaran dapat A *minus* [tolak] tapi kalau hendak kira A semua A. Dalam beberapa mata pelajaran semua A kecuali *satu* [1] A *minus* [tolak]. *So* [jadi] *Pi Kappa Phi* [anugerah] itu adalah *satu* [1] anugerah yang saya (bunyi peralatan makanan) bangga (suara kanak-kanak).

**AH : Mengapa Dato' berubah jurusan daripada kejuruteraan elektrik semasa peringkat ijazah sarjana muda pertama kepada jurusan pendidikan semasa di peringkat ijazah sarjana muda?**

DAS : Pasal kita dalam bidang *education* [pendidikan]. Saya dekat dalam *management* [pengurusan] sudah tidak perlu mengajar lagi jadi saya ambil dalam bidang pendidikan *PhD* [Doctor of Philosophy] pun dalam bidang pendidikan dan bidang itu ialah teknik dan vokasional.

**AH : Adakah Dato' aktif dalam mana-mana kelab atau persatuan semasa di universiti?**

DAS : Di universiti tidak. Saya jenis yang tidak aktif. Oleh kerana saya katakan tadi saya ini jenis yang kena berusaha keras untuk (suara kanak-kanak) mendapatkan sesuatu dan mengingati sesuatu kan? Jadi masa itu lebih banyak di tumpukan untuk pelajaran. Jadi tidak ada masa untuk aktif- (bunyi peralatan makan) dan lain-lain. *So* [jadi] boleh dikatakan *seratus peratus* [100%] pada pelajaran.

**AH : Apakah kenangan yang Dato' tidak boleh lupakan semasa di universiti?**

DAS : Yang saya tidak boleh lupa apabila *final year* [tahun terakhir] *satu* [1] *failed* [gagal] *satu* [1] subjek (bunyi peralatan makan) lepas itu kena mengulang *examination* [peperiksaan] (bunyi peralatan makan) bukan *repeat the year* [mengulangi tahun]. Mengulang *final* [akhir] ada *satu* [1] mata pelajaran yang begitu susah sekali kena- *re-sit examination* [ambil semula peperiksaan] selepas *tiga* [3] bulan itu kena ambil balik mata pelajaran pun pada saya begitu susah sekali. Jadi ambil alhamdulillah

lulus *lah* [tabiat percakapan], lulus pun cukup-cukup makan. Jadi yang itu rasa tidak boleh dilupai dalam banyak-banyak *career* [kerjaya] saya ada *satu* [1] mata pelajaran itu yang saya terpaksa ulang peperiksaan (ketawa). Saya *tiga* [3] *empat* [4] bulan lebih lambat daripada orang-orang yang lulus semua subjek.

**AH : Adakah universiti di luar Negara juga mempunyai *MPP* [Majlis Perwakilan Pelajar]?**

DAS : Di universiti pun ada di Amerika pun ada lagi tersusun.

**AH : Adakah Dato' pernah menyertai *MPP* [Majlis Perwakilan Pelajar]?**

DAS : Saya tidak ada. Saya *join* [sertai] sebagai ahli sahaja. Daripada segi kepimpinan ini saya rasa saya kurang menonjolkan diri.

**AH : Apakah nama isteri Dato'?**

DAS : Asiah Binti Kadir.

**AH : Adakah isteri Dato bekerja?**

DAS : Bekerja sebagai seorang guru (suara wanita) sekarang sudah bersara (suara wanita). Sudah bersara (suara wanita) *completely* [sepenuhnya]. Kalau dia mahu buat duit buat tuisyen semua boleh tapi dia mahu bersara *completely* [sepenuhnya].

AH : **Berapakah bilangan anak Dato'?**

DAS : Anak saya ada *tiga* [3]. Seorang yang bongsu sekali meninggal semasa umur dia *tiga* [3] tahun lebih. Jadi tinggal *dua* [2]. Yang *pertama* [1] perempuan yang kedua pun perempuan. *So* [jadi] yang pertama dia bekerja sebagai (suara kanak-kanak) pensyarah di Universiti Pertanian Malaysia. Dia dapat *PhD* [Doctor of Philosophy] dia daripada Cambridge dalam umur *dua puluh tujuh tahun* [27] berbanding dengan saya dapat *PhD* [Doctor of Philosophy] umur *empat puluh tiga* [43] dia dapat *PhD* [Doctor of Philosophy] umur *dua puluh tujuh* [27] tahun. Lepas sahaja *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] masuk *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia]. Masa itu *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia] ada apa yang *express* [cepat] [merujuk kepada program pendidikan masa singkat] ke apa kan. *So* [jadi] lepas lulus daripada *UTM* [Universiti Teknologi Malaysia] dia pun jadi *the best student electrical engineering* [pelajar terbaik kejuruteraan elektrik]. Dia bekerja di *UPM* [Universiti Putra Malaysia] sebagai *tutor* [pengajar] dan selepas setahun setengah *UPM* [Universiti Putra Malaysia] hantar dia untuk buat *PhD* [Doctor of Philosophy] di Cambridge. Jadi, tanpa *masters* [ijazah sarjana] terus daripada *first-degree* [ijazah sarjana muda pertama] ke *PhD* [Doctor of Philosophy] dalam masa *tiga* [3] tahun lebih.

Jadi masa umur *dua puluh tujuh* [27] tahun dah dapat *PhD* [Doctor of Philosophy]. Anak saya yang *kedua* [2] perempuan juga. Dia seorang *lawyer* [peguam]. Bekerja di Pejabat Peguam Negara. Dia dapat pendidikan *pertama* [1] di Universiti Islam Antarabangsa. Selepas dapat *degree* [ijazah sarjana muda] dia bekerja dengan *UIA* [Universiti Islam Antarabangsa]. Dia pun rasa nasib baik ke nasib tidak baik ke tidak

tahu *lah* [tabiat percakapan]. Semasa_ menuntut di universiti lagi dia telah ditemuduga oleh Peguam Negara dan diambil bekerja sebaik sahaja dapat *degree* [ijazah sarjana muda]. Jadi dia tidak cari kerja orang datang temuduga dan dia bagi kerja. *So* [jadi] dia tiada pilihan lain hendak kerja di swasta ke tapi kita nasihatkan supaya kerja dengan kerajaan walaupun gaji tidak lumayan tetapi *stable* [stabil]. Jadi selepas *dua* [2] *tiga* [3] tahun bekerja dia melanjutkan pelajaran di *University of Southampton* [Universiti Southampton] dalam bidang undang-undang laut, *maritime law* [undang-undang maritim]. Sekarang masih bekerja di Peguam Negara (bunyi kertas).

**AH : Dimanakah anak-anak Dato' tinggal?**

DAS : Anak saya yang kedua tinggal bersama saya tadi saya dah cerita kan? Anak yang *pertama* [1] tinggal di Kajang (telefon berdering).

**AH : Tahun berapa Dato' mendirikan rumah tangga?**

DAS : Dah begitu lama sekali (ketawa). Tahun berapa ya- tiga puluh sembilan [39] macam itu lah.

**AH : Hobi Dato' masa waktu lapang?**

DAS : Sekarang ini hobi saya hobi baru lah (bunyi barang kaca diletak). Main golf salah satu hobi saya daripada--- umur saya *lima puluh tahun* [50] baru ambil golf. Masa bekerja banyak main golf. Sekarang ini--- sekali-sekala main golf oleh kerana hobi baru saya- belajar. Belajar- Bahasa Arab ini kira hobi. Salah satu lagi hobi baru saya ialah-

mengambil gambar. Daripada waktu--- umur *my birthday* [hari lahir saya] *sixty first* [61] *birthday* [hari lahir] kan saya beli satu kamera Nikon dan daripada itu hobi baru saya mengambil gambar.

Sekarang ini dah boleh gunakan kamera dengan baik. Tapi setakat ini guna kamera saja *lah* [tabiat percakapan]. *So* [jadi] sekarang ini tengah nak belajar- untuk memproses gambar pula lah. Untuk *editing* [menyunting] belajar Photoshop- belajar untuk- daripada *raw* [mentah] *you* [awak] tahukan? Daripada *raw* [mentah] *image* [imej] (bunyi kenderaan) kepada- *JPEG* [Joint Photographic Experts Group] dan sebagainya. Itu mengambil masa juga rasanya.

**AH : Adakah hobi itu boleh dibuat perniagaan?**

DAS : Tidak hendak buat business [perniagaan] lah. Untuk kesukaan sendiri. Untuk kepuasan hati sendiri. *So* [jadi] hobi baru sekarang ini ambil gambar.

**AH : Apa yang mendorong Dato' untuk berminat mengambil gambar?**

DAS : Oleh kerana- kami banyak--- *travel* [jelajah] kan? Jadi--- untuk menghayati--- *travelling* [menjelajah] ini kan? Kalau disertai dengan--- ambil gambar dan ambil gambar yang cantik lah. Jadi bila kita ambil gambar yang cantik kita akan ingat tempat-tempat yang kita- pergi. Jadi- kita akan sentiasa lebih lama ditempat itu. Sebelum (ketawa) saya minat dengan kamera, saya pergi tengok lepas itu duduk balik dalam bas.

Saya perhatikan- orang-orang yang- tidak ada kamera yang baik atau yang tidak minat ambil gambar dia melancong sahaja bayar mahal *lah* [tabiat percakapan]. Tapi bila tengok tempat-tempat yang begitu cantik pun dia tengok sekejap sahaja. Lepas itu- dia duduk balik dalam bas atau buat perkara lain. Tapi oleh kerana- kalau kita minat dengan ambil gambar kan? Kita akan- menghayati tempat itu. Oleh kerana kita nak ambil gambar tempat yang cantik dia punya sudut dia punya macam-macam lah. Jadi salah satu sebabnya adalah untuk- *capture* [tangkap] *scenery-scenery* [permandangan-permandangan] yang cantik di merata duinia ini. Dan hobi saya juga tanam bunga. Tanam bunga dan jaga- bunga. Itu lah hobi-hobi untuk memenuhi masa lapang saya.

**Tamat Bahagian A: Latar Belakang Tokoh**

**Bahagian B: Kerjaya Tokoh**

AH : **Dato', sekarang kita akan pergi ke Bahagian B, Kerjaya. Boleh Dato' beritahu pekerjaan Dato's selepas menamatkan pengajian peringkat tinggi?**

DAS : Saya- sebagai pensyarah di *Politeknik Omar* [Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak] Ipoh. Saya mengajar- kejuruteraan elektrik. Tapi masa saya mengajar sekejap sahaja. Selepas tiga tahun saya jadi Penolong Ketua *Bahagian* [Bahagian Kejuruteraan Eletrikal] dan selepas itu Ketua Bahagian di Politeknik Ungku Omar. Dan pada umur *tiga puluh dua* [32] tahun ke begitu saya jadi Pengetua Politeknik Kuantan. Apabila jadi pengetua ini kita sudah tidak mengajar. Jadi- waktu yang saya betul-betul mengajar itu begitu--- pendek sekali.

Jadi- pada tahun *lapan puluh dua* [82] *ya* [tabiat percakapan] *lapan puluh empat* [84] ke? Saya pun tidak ingat. Saya jadi Pengetua Politeknik Kuantan- selama *tiga* [3] tahun ke begitu dan selepas Kuantan, jadi pengetua di- *Politeknik Batu Pahat* [Politeknik Batu Pahat, Johor] ya? Masa itu Politeknik Batu Pahat masih ada. Masa itu Politeknik Batu Pahat mengalami masalah keretakan atau mendap. Dan- Politeknik Batu Pahat terpaksa di- pelajar-pelajar terpaksa di pindahkan--- untuk proses pembaik-pulihan politeknik itu ya? Semasa proses- perbaikan itu saya- dipindahkan ke Kuala Lumpur sebagai Ketua Penolong Pengarah--- Unit Korikulum ya? Di- sebagai Ketua Penolong Pengarah--- yang menjaga kurikulum elektrik ya? Di- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional. Masa itu pejabatnya di--- Damansara Town Centre.

Selepas itu--- saya melanjutkan pelajaran ke- United States untuk membuat Masters dan *PhD* [Doctor of Philosophy]. Balik saya menjadi- Penolong Pengarah Bahagian- Politeknik di Kementerian Pendidikan Malaysia. Selepas Pengarah Bahagian Politeknik saya pindah ke Selangor menjadi Pengarah Pelajaran Selangor- selama setahun. Daripada situ saya ditukarkan balik ke- Kementerian Pelajaran sebagai Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Teknikal. Rasanya lama *sini* [merujuk kepada tempat kerja] *empat* [4] tahun. Selepas itu saya jadi- Ketua Pengarah Pelajaran. Jadi dia punya- tarikh-tarikh itu kene tengok *CV* [Curriculum Vitae] baru ingat. Kalau tidak sudah tidak ingat *lah* [tabiat percakapan].

**AH : Tahun berapa Dato' mula-mula bekerja sebagai pensyarah?**

DAS : Tahun *tujuh puluh lima* [75]. Mei *first* [pertama] Mei *tujuh puluh lima* [1.5.1975]. Sebenarnya *tiga belas* [13] Mac saya dah- *tiga belas* [13] Mac tahun tujuh puluh lima [13.3.1975]. Tapi oleh kerana *degree* [ijazah] saya di *award* [anugerah] *first* [pertama] Mei jadi kerajaan mengiktiraf *satu* [1] haribulan *lima* [5] itu sebagai- tarikh *official* [rasmi] lantikan saya ke- Perkhidmatan Pendidikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

**AH : Bagaimana Dato' dapat kerja sebagai pensyarah?**

DAS : Oleh kerana kita ada kontrak--- saya beritahu tadi saya dapat biasiswa *Columbo- Columbo Plan.* Jadi antara satu antara syaratnya ialah untuk berkhidmat- dengan kerajaan Malaysia. Bila balik melaporkan diri dia kata kena lapor pada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pelajaran- hantar saya ke Politeknik Ungku Omar. *So*

[jadi] itu bukan pilihan saya. Itu sebagai untuk memenuhi--- kontrak. Kontrak biasiswa.

**AH : Apakah pengalaman manis Dato' semasa bekerja di Ungku Omar?**

DAS : Susah nak cakap. Semua- pengalaman manislah. Tapi kadang-kadang pengalaman manis kita tidak ingat. Pengalaman yang tidak manis yang kita selalu ingat (ketawa). Pengalaman manis jarang-jarang kita ingat sebab selalu maniskan? Yang tidak manis itu sekali-sekali kita--- tidak *ingat* [merujuk kepada pengalaman manis] yang itu yang kita *ingat* [merujuk kepada pengalaman pahit].

**AH : Dato' kemudian mendapat jawatan dalam Kementerian Pendidikan. Bagaimana Dato' dapat jawatan tersebut?**

DAS : Dia- oleh kerana jawatan itu ikut *seniority* [kekananan] kan? Jadi ikut *seniority* [kekananan] dan juga ikut keupayaan kita- ikut kebolehan kita- ikut kemampuan kita dan ikut- kerajinan kital. *So* [jadi] oleh kerana--- mungkin saya lebih rajin daripada orang lain *ya* [tabiat percakapan]? Tidak semestinya saya lebih pandai ya? Saya lebih rajin daripada orang lain lebih berusaha daripada orang lain. *So* [jadi] semasa laporan tahunan itu saya dapat markah yang tinggi.

Jadi semasa ada peluang naik pangkat dia tengok- yang- markah yang tinggi itu dapat keutamaan untuk- mengisi jawatan-jawatan naik pangkat. Jadi kalau ada *sepuluh* [10] orang katakan *batch* [kumpulan] yang sama jadi- bila ada- lima [5] jawatan naik pangkat katakan? Dia ambil yang *the* [yang] *top* [bahagian teratas] *five* [5] kan? Oleh

kerana markah laporan prestasi tahunan saya di- baik lebih baik dari kawan-kawan yang lain. So setiap kali ada peluang naik pangkat saya dapat. Jadi- ada juga kawan-kawan saya yang saya tinggalkan *kemudian* [merujuk kepada rakan yang dapat menaiki pangkat].

Mungkin kerana mereka lebih *senior* [tua] daripada saya tapi--- oleh kerana laporan prestasi saya lebih baik daripada mereka- jadi saya diberi peluang untuk- jawatan-jawatan yang penting ini. Jadi oleh itu- kalau kita dengan kerja mana-mana laporan tahunan itu- adalah mustahak. Penting *ya* [tabiat percakapan]. Jadi kena bekerja- kuat dan bersungguh-sungguh. Jangan curi tulang. Jangan datang lambat. Jangan ambil cuti sakit. Jangan ambil *medical leave* [cuti sakit] selalu.

**AH : Apakah sumbangan Dato' semasa Dato' menyandang jawatan tertinggi di Kementerian Pendidikan?**

DAS : Saya susah hendak cakap. Pasal mungkin orang lain boleh *claim* [tuntut] itu sumbangan mereka oleh kerana--- oleh kerana sesuatu projek itu--- dibuat oleh ramai orang kan? Jadi sama-sama- menyumbang. Jadi- kita susah nak *claim* [tuntut] yang itu- kita punya ya? Tapi saya dengan kawan-kawan *lah* [tabiat percakapan] yang kami- rasa begitu gembira sampai sekarang--- mengenai perkembangan politeknik. Oleh kerana--- masa kita- masa saya dan kawan-kawan yang seangkatan dengan saya ada satu politeknik sahaja masa itu Politeknik Ungku Omar ada satu sahaja. Sekarang ada beberapa puluh *lah* [tabiat percakapan]. Saya pun tidak berapa ingat sebab tidak ikut perkembangan.

*So* [jadi] bermakna ada sesuatu yang kami buat yang betul- sehingga politeknik itu- berkembang begitu banyak sekali. Dan saya salah seorang daripada- yang bekerja keras untuk- perkembangkan politeknik berkualiti- hingga sekarang. Jadi--- itu kebanggaan kami. Dan saya kata tadi saya tidak boleh *claim* [tuntut] saya seorang. Ada- ramai *ya* [tabiat percakapan] dan pada pandangan saya, saya salah seorang daripada yang beberapa orang yang ramai ini yang bekerja keras untuk memperkembangkan pendidikan politeknik. Sehingga *lah* [tabiat percakapan] ke tahap sekarang. Pada masa itu- kita *the* [yang] *expert* [pakar] lah dalam pendidikan politeknik. Orang lain tidak begitu- mahir. Jadi *there must be something right we have done* [mesti ada sesuatu yang betul yang kita telah lakukan] yang menyebabkan politeknik berkembang dengan begitu baik sekali.

Dan yang saya banggakan juga perkembangan kolej komuniti. Semasa saya ditugaskan sebagai Timbalan Ketua Pengarah--- salah satu tugas utama saya untuk memperkenalkan kolej komuniti. Ada orang buat konsep kolej komuniti kita laksanakan kolej komuniti. Daripada tidak ada kolej komuniti sehingga ada sekarang. Itu- saya amat bertuah saya diberi tanggungjawab untuk melaksanakan pembinaan- kolej komuniti dengan konsep dia dengan macam mana bangunan dia dan daripada korikulum dia dari pelbagai aspek. Kalau kita lihat perkembangan kolej komuniti kita amat berbangga. Bermakna *there must be something right we have done* [mesti ada sesuatu yang betul yang kita telah lakukan] pada awal penubuhan sehinggalah- sampai sekarang. Jadi- itu dua perkara yang boleh saya katakana- saya ada- penglibatan yang- mendalam *ya* [tabiat percakapan] penglibatan yang- yang banyak

dalam institut politeknik dan kolej komuniti. Yang dua ini boleh saya katakan--- saya bangga dengan penglibatan saya.

AH : **Dato' pernah serta mana-mana pertubuhan, organisasi atau *NGO* [*Non-Government Organization*]?**

DAS : Macam mana itu? Pertubuhan? *NGO* [*Non-Government Organization*]? Tidak ada. Saya daripada- oleh kerana- kita punya- seperti saya katakan saya jenis yang *have to work hard to get something* [perlu bekerja keras untuk mendapatkan sesuatu]. Jadi- tugas-tugas saya dah cukup--- mengambil masa yang banyak daripada saya. Jadi tidak ada masa- untuk melibatkan dalam pertubuhan-pertubuhan *NGO* [*Non-Government Organization*] dan sebagainya. Kalau terlibat *NGO* [*Non-Government Organization*] bermakna- tugas-tugas yang- perlu saya buat ini terpaksa dikurangkan sedikit. Jadi– ada setengah orang dia boleh. Boleh libat *NGO* [*Non-Government Organization*] dengan baik komited dengan tugas pun macam itu. Saya bukan jenis- orang yang bernasib baik macam itu.

AH : **Menurut kajian kami, Dato' merupakan salah seorang ahli lembaga dalam *SEAMEO* [South East Asian Ministers of Education Organization] *VOCTECH* [Vocational and Technical]?**

DAS : Itu dulu semasa--- saya di Kementerian Pelajaran lagi. Saya terlibat dalam- penubuhan *SEAMEO* [South East Asian Ministers of Education Organization] *VOCTECH* [Vocational and Technical] di Brunei. Semasa itu *SEAMEO VOCTECH* tidak ada *so* [jadi] kerajaan Brunei dia ada buat- kajian kaji selidik untuk menubuhkan

*SEAMEO VOCTECH.* Lepas itu saya salah seorang yang mengisi borang kajian itu. Dan masa dia nak tubuhkan dia ada buat *brainstorming session* [sesi perbincangan]. Saya pun antara beberapa orang yang dipanggil untuk sama-sama membuat *brainstorming session* [sesi perbincangan]- untuk penubuhan *SEAMEO VOCTECH.* Selepas *SEAMEO VOCTECH* ditubuhkan--- dia tiap-tiap macam *SEAMEO VOCTECH* atau pun pusat-pusat lain bawah *SEAMEO* dia- ada lembaga pengarah- anggota lembaga pengarah ialah daripada negara-negara anggota *SEAMEO. So* [jadi] Malaysia adalah negara anggota SEAMEO. Jadi- jabatan pendidikan teknikal--- ialah- Malaysia memilih jabatan pendidikan teknikal untuk menjadi menganggotai- *SEAMEO* sebagai ahli lembaga pengarah *SEAMEO VOCTECH.* Jadi semasa saya di jabatan pendidikan teknikal- saya wakil Malaysia sebagai- salah seorang ahli lembaga pengarah. Tetapi semasa saya- bekerja di- Bangkok sebagai Pengarah *SEAMEO Secretariat* [Seketariat] *so* [jadi] saya jadi sebagai *ex officio* [mendapat jawatan kerana jawatan yang lain] lembaga pengarah kepada semua pusat-pusat SEAMEO.

**AH : Apakah sumbangan Dato' semasa menjadi ahli lembaga pengarah SEAMEO?**

DAS : Susah hendak cakap *lah* [tabiat percakapan] (ketawa). Memang susah hendak cakap pasal kebanyakan daripada- agenda-agenda itu kita--- ber- *discuss* [berbincang] buat keputusan bersama. Jadi nak kata itu saya punya- cukup susah. Sumbangan bersama lah.

**AH : Dato' pernah terpilih untuk menjadi ahli lembaga dalam organisasilain?**

DAS : Masa bekerja di Kementerian Pelajaran saya--- juga ahli lembaga pengarah beberapa universiti. *So* [jadi] saya pernah menjadi lembaga ini semasa bekerja. Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn, Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Melaka dan Lembaga Pengarah Universiti Sains Malaysia. Ini *tiga* [3] universiti yang--- yang saya jadi lembaga pengarah dan sentiasa menghadiri mesyuarat-mesyuarat lembaga pengarah.

**AH : Selain itu kami mendapat tahu Dato' juga seorang yang penting dalam Pusat Sains Negara. Adakah benar?**

DAS : Pusat Sains Negara? Tidak.

**AH : Pada tahun berapakah Dato' dilantik menjadi Timbalan Pengarah Kementerian Pendidikan?**

DAS : Saya tidak berapa ingat tapi rasanya- *first* [pertama] September 2000 [1September 2000] hingga *thirty first* [tiga puluh satu] [31] December 2004 [31.12.2004]. Timbalan Ketua Pengarah *ya* [tabiat percakapan]? Lebih kurang macam itu *lah* [tabiat percakapan].

**AH : Bagaimana Dato' dipilih menjadi Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan?**

DAS : Saya pun mungkin bernasib baik. Masa--- Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Teknikal walaupun Jabatan Pendidikan Teknikal itu boleh di isi oleh

orang yang tidak berpendidikan teknikal tapi saya bernasib baik. Kira bernasib baik pasal ada orang yang lebih- *senior* [tua] dari saya yang boleh mengisi jawatan itu. Oleh kerana yang saya katakan tadi- masa itu- kolej komuniti ditubuhkan? Jadi Menteri pada masa itu Tan Sri Musa memerlukan seorang yang berlatar belakangkan pendidikan teknikal untuk menjadi- Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Teknikal untuk salah satu tugas menubuhkan kolej komuniti. *So* [jadi] berkemungkinan itu sebabnya. Saya ditugaskan untuk menjadi Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Teknikal.

Pada masa itu pun saya baru setahun saja di Selangor sebagai Pengarah jadi terlalu cepat untuk saya dipindahkan dari Selangor. Jadi daripada Selangor ke- Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Teknikal itu adalah kenaikan pangkat. Bukan satu, dua kenaikan pangkat daripada *Jusa C* [gred kakitangan kerajaan] ke Jusa A. Jadi- mungkinlah saya pun tidak tanya mengapa tapi mungkin disebabkan itu. Nasib saya pun baik.

AH : **Pada pandangan Dato', apakah pencapaian Dato' yang pernah Dato' capai.**

DAS : Yang- saya katakan yang dua tadi [merujuk perkembangan politeknik dan pembangunan kolej komuniti]. Yang lain-lain saya tidak boleh *claim* [tuntut]. Sebagai Ketua Pengarah pun tidak boleh *claim* [tuntut]. Tidak boleh claim [tuntut]. Apa ini- sama-sama *lah* [tabiat percakapan] buat. Kadang idea kita, Menteri kita, kadang- orang bawah kita jadi- nak *claim* [tuntut] itu, nak tuntut yang itu- sumbangan kita, susah *lah* [tabiat percakapan].

Tapi yang saya ingat masa saya jadi Ketua Pengarah saya *emphasize* [menekankan] untuk murid-murid- di Tahun Satu [1] pandai membaca dan menulis. Yang itu kita *emphasize* [menekankan]. Kita beri tekanan. *So* [jadi] masa itu yang *I* [saya] betul-betul beri tekanan. Lepas itu masa saya dia ada KIA2M. KIA2M itu Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis. Masa kita- buat itu banyak pelajar-pelajar yang tidak boleh membaca dan menulis. Kita bagi intervensi dan ramai yang boleh membaca dan menulis dan selepas itu- program itu diteruskan dengan nama baru LIONESS ke apa *ya* [tabiat percakapan]. Sampai sekarang LIONESS itu berjalan. Itu salah satu daripada kebanggaan saya untuk memastikan murid-murid kita boleh membaca dan menulis. Jadi itu antara kenangan manis saya.

**AH : Kenapa pencapaian tersebut merupakan pencapaian terbaik Dato'?**

DAS : Sebab kita boleh nampak hasilnya sekarang. Kita macam politeknik pun nampak perkembangannya. Kolej komuniti nampak perkembangannya. Jadi budak-budak yang tidak boleh membaca dan menulis kita nampak perkembangannya daripada sekarang. Dia punya *produk* [hasil].

**AH : Selain pencapaian Dato' bersama SEAMEO, adakah Dato' mempunyai pengiktirafan lain di peringkat antarabangsa?**

DAS : Tidak ada *lah* [tabiat percakapan]. Saya tidak ada bekerja lain daripada itu. Tapi dapat *lah* anugerah-anugerah dari kerajaan Brunei, Singapura dan sebagainya sebagai menghargai jasa-jasa dia- saya semasa saya menjadi pengarah di *SEAMEO Secretariat* [Sekeretariat].

**AH : Pada tahun berapa Dato' menerima pangkat kebesaran sebagai Dato'?**

DAS : Tahun- anugerah Dato' ya? Tahun *dua ribu* [2000] berapa ya? Rasanya *dua ribu* [2000]- Allah tidak ingat. *Dua ribu satu* [2001]- *dua ribu dua* [2002] macam itu. Lebih kurang macam itu.

**AH : Apakah faktor yang menyumbang Dato' untuk mendapat pangkat tersebut?**

DAS : Nasib *lah* [tabiat percakapan] (ketawa). Apa ini- anugerah-anugerah ini nasib. Nasib lah orang nak bagi.

**AH : Pada tahun berapakah Dato' bersara?**

DAS : Tahun- *lima belas* Julai *dua ribu tujuh* [15.7.2007] bersara ya. Lepas itu saya bekerja lagi. Saya dah beritahukan? *So* [jadi] yang betul-betul bersara *satu* haribulan *empat dua ribu sebelas* [1.4.2011]. Itu betul-betul bersara.

**AH : Dato' ada terlibat dengan perniagaan?**

DAS : Tidak ada. Tidak ada dan tidak akan mahu terlibat pun. Cukuplah apa yang ada.

**Tamat Bahagian B**

**Bahagian C: Soalan Khusus**

AH : **Adakah dasar *PPSMI* [Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris] berkesan ketika dilaksanakan di Malaysia?**

DAS : *PPSMI* [Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris] adalah satu dasar yang silap.

AH : **Adakah Dato' bersetuju dengan dasar PPSMI [Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris] tersebut?**

DAS : Kalau kita ikut teori pembelajaran bahasa ibunda adalah bahasa yang patut digunakan semasa murid-murid itu hendak belajar. Oleh kerana dia hendak dapatkan ilmu kita mesti faham bahasa kita yang digunakan. Jadi seperti yang saya katakan tadi walaupun saya dalam sekolah bahasa Inggeris tetapi sampai sekarang pun tidak mahir sangat dalam bahasa Inggeris dibandingkan dengan setengah murid. Dia dahulu dia sekolah bahasa Melayu dahulu dia belajar dalam bahasa sekolah Melayu dahul lepas itu dia masuk sekolah *special_* [istimewa] *class* [kelas] yang diajarkan dalam bahasa Inggeris.

Ramai daripada pelajar-pelajar ini yang berjaya sebab dia sudah boleh menguasai *content* [kandungan] dengan bahasa ibunda dia lepas itu baru dia belajar bahasa Inggeris dengan *content* [kandungan] dia dah boleh faham berbanding dengan di ajar dalam bahasa Inggeris dalam budak itu darjah *satu* [1] katakan sekolah Inggeris budak itu tidak berapa pandai, *so* [jadi] dia nak hendak belajar *content* [kandungan]

dan dia hendak belajar bahasa Inggeris. *So* [jadi] akhirnya dua-dua dia tidak dapat. *Content* [kandungan] tidak dapat bahasa Inggeris pun dia tidak dapat.

*So* [jadi] ramai juga kalau kita lihat masa sekolah Inggeris dahulu kan semasa darjah *enam* [6] *examination failed* [gagal peperiksaan] tidak boleh. Ramai juga budak-budak yang tercicir saya rasa. Adakah dia terkandas sebab dia tidak pandai atau dia kandas sebab dia tidak faham apa yang di ajar? Jadi ikut teorinya bahasa yang perlu di ajar pada murid-murid adalah bahasa ibunda dahulu. Lepas dia faham *content* [kandungan] dan sebagainya baru *lah* [tabiat percakapan] dia di ajar dalam bahasa yang lain macam mungkin darjah *satu* [1], darjah *dua* [2], darjah *tiga* [3] dalam bahasa Melayu (bunyi proses memasak). Lepas dia dah menguasai bahasa Melayu_ ajar *lah* [tabiat percakapan] dalam bahasa Inggeris dan sebagainya *in translation* [dalam terjemahan]. Tapi kalau kita mula-mula hendak belajar dalam bahasa apa ini- bahasa Inggeris, matematik atau sains dalam bahasa Inggeris budak itu *maths* [matematik] dia tidak faham lepas itu bahasa pun dia tidak faham. Jadi macam mana dia nak hendak menguasai *content* [kandungan] itu.

Pada pandangan saya, dasar itu adalah dasar yang tidak berapa betul untuk mengajar bahasa Inggeris, matematik dan sains dalam bahasa Inggeris. Dia boleh diajar tapi ikut tahap-tahapnya mungkin ajar dalam bahasa ibunda dahulu (bunyi proses memasak) lepas pelajar itu dah ada *content* [kandungan] dia baru dah pandai baru alihkan dalam bahasa Inggeris. Jadi saya gembira yang *PPSMI* [Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris] dimansuhkan oleh kerana

*PPSMI* [Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris] ini untuk *the top thirty percent* [tiga puluh peratus ke atas] tidak ada masalah.

*The top thirty percent* [tiga puluh peratus ke atas] dalam bahasa apa pun diajar dalam bahasa Inggeris pun dia boleh faham pasal dia di rumah ke di mana pun dia dah menguasai bahasa Inggeris. *So* [jadi] *the top thirty percent* [tiga puluh peratus ke atas] dia boleh menguasai bahasa Inggeris tapi the *seventy percent* [tujuh puluh peratus] yang lain dia tidak boleh belajar *maths* [matematik] atau sains dalam bahasa Inggeris pasal dia jenis yang bukan apa ini- bukan *high achievers* [cemerlang]. *So* [jadi] bahasa Inggeris adalah *satu* [1] perkara yang begitu sukar untuk mereka faham. Semasa saya bertugas dahulu bila saya tanya budak-budak itu, "Faham tak?" "Tidak faham" (ketawa). Cikgu itu terang macam mana pakai *powerpoint* [menerangkan software]- _ pakai itu pun saya tanya "Faham tidak apa-_". "Tidak faham." Pasal dia tidak faham bahasa. Jadi pendekatan yang di ambil sekarang untuk memansuhkan *PPSMI* [Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris] adalah *satu* [1] tindakan yang bertepatan yang- begitu baik sekali.

**AH : Pada pandangan Dato', sekiranya PPSMI masih dilaksanakan apakah langkah untuk menambah baikan PPSMI [Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris] ini?**

DAS : Tidak ada. Sebab masa saya jadi Ketua Pengarah, kita buat macam-macam. Macam-macam pendekatan kita buat. Kita adakan glosari, kita adakan itu, kita adakan ini. Tidak boleh. Sebab kita dah--- teori-teorinya adalah *mother talk as first language*

[bahasa ibunda sebagai bahasa utama] ya. Itu teorinya. Kalau kita hendak melawan teori memang tidak boleh. Tidak boleh untuk yang *the seventy percent* [tujuh puluh peratus] itu memang tidak boleh- apa-apa intervensi memang tidak boleh_. Tidak boleh. Yang apa ini ajar dalam bahasa ibunda dahulu lepas itu baru *lah* [tabiat percakapan]. dalam bahasa-bahasa lain.

Macam saya belajar bahasa Arab ini. Arab ya *just* [hanya] bayangkanlah kalau yang mengajar ini Arab orang Arab dan dia ajar saya dalam bahasa pengantar Arab *you* [awak] boleh faham tidak? (ketawa). Saya hendak belajar Arab- cikgu saya orang Arab. Dia tidak faham bahasa lain. Ajar saya dalam bahasa Arab boleh faham tidak? Saya boleh faham tidak? Tidak boleh. Saya pernah belajar dalam bahasa *Thai* [Thailand]. Cikgu itu cikgu *Thai* [Thailand]. Dia bahasa Inggeris dia sikit-sikit sahaja dia faham. Saya tidak boleh faham dia cakap. Dia ajar sebab ada perkataan yang dia patut ajar dalam bahasa dia patut terangkan dalam bahasa apa ini bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. *So* [jadi] saya belajar buku ini dia punya penerangan dalam bahasa Inggeris sebab kita dah kuasai bahasa Inggeris. *So* [jadi] dia belajar Arab tapi penerangan dia dalam bahasa- Inggeris. Kalau *you* [awak] bagi saya buku Arab penerangan dalam Arab sampai bila saya pun tidak boleh baca.

Sebab itu kita mesti kuasai bahasa ibunda itu. Ini kita hendak belajar bahasa *so* [jadi] hendak belajar bahasa pun kena gunakan bahasa yang kita tahu. Kalau kita hendak belajar *content* [kandungan] kita gunakan dengan bahasa yang kita tahu seperti yang saya kata awal-awal tadi kalau sekiranya saya belajar di Australia dengan

menggunakan bahasa Melayu, bahasa yang saya boleh kuasai mungkin keputusan saya lebih- lebih baik. Tapi oleh kerana saya kena jawab dalam bahasa Inggeris, bahasa Inggeris kena cantik semua kan? *So* [jadi] berkemungkinan apa yang saya tulis pun mungkin maksudnya tidak tepat.

Pada saya untuk *the seventy percent* [tujuh puluh peratus] ini tidak ada apa intervensi yang boleh dibuat. Tidak ada apa pasal kita dah cuba. Kita dah buat. Tugas saya sebagai pengarah habis banyak masa untuk melakukan intervensi-intervensi ini. Tidak jadi. Memang tidak boleh pasal *seventy percent* [tujuh puluh peratus] [70%] itu penguasaan dia- hendak belajar *content* [kandungan] dalam bahasa sendiri pun susah. Ajar matematik dalam bahasa Melayu itu pun susah dia hendak faham apakah lagi kita hendak mengajar matematik dalam bahasa yang dia tidak tahu. Ini saya cakap betul-betul, cukup benar tidak ada selindungnya, memang tidak boleh.

**AH : Pada pandangan Dato' adakah PMR perlu dimansuhkan?**

DAS : Saya kata saya tidak ikut perkembangan. Memang sudah tidak ikut (suara wanita) perkembangan daripada segi (suara wanita) pendidikan tidak. Tapi pada pandangan saya (bunyi nada telefon) benda itu sudah (suara wanita) baik kan- (suara wanita) kekal *kan* [tabiat percakapan]. *PBS* [Penilaian Berasaskan Sekolah] ini mungkin ada bermacam-macam masalah. Kalau diberi- pilihan saya lebih suka ada PMR [Penilaian Menengah Rendah] sebab murid-murid kita ini kalau tidak ada peperiksaan dia tidak mahu belajar sangat. *PBS* [Penilaian Berasaskan Sekolah] ada juga apa ini penilaian tapi bergantung kepada sekolah (bunyi kenderaan).

Saya tidak tahu. Pada saya *PMR* [Penilaian Menengah Rendah] itu pun sudah baik. Saya tidak boleh komen sangat pasal saya sudah tidak mengikuti sangat. Memang tidak hendak mengikuti sangat pun sebab tumpuan dah pada lain daripada macam itu baik kita hafal surah-surah Quran (ketawa) belajar bahasa Arab ke, belajar tajwid daripada kita ikut perkembangan sangat. *So* [jadi] zaman saya itu kira dah--- ini fasa baru. Fasa ke surau, ke masjid- fasa alam lain. Tapi oleh kerana *you* [awak] tanya saya jawab (ketawa). Pada pandangan saya *PMR* [Penilaian Menengah Rendah] itu sudah baik.

**AH : Bagaimana pula dengan *STPM* [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia] yang telah digantikan dengan sistem universiti? Adakah Dato' anggap sistem itu dapat meningkatkan martabat pengajian peringkat pra-universiti?**

DAS : Saya pun tidak ikut tapi *STPM* [Siil Tinggi Persekolahan Malaysia] itu terlalu susah untuk orang yang apa ini- pasal semua- dulu *lah* [tabiat percakapan]. Dulukan *STPM* [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia] ambil *exam* [peperiksaan] semua sekali lepas dua tahun kan? Kalau *fail* [gagal], *fail* [gagal] *lah* [tabiat percakapan]. Kalau *pass* [lulus], *pass* [lulus] *lah* [tabiat percakapan]. Selepas itu- tiap-tiap semester dia ambil *exam* [peperiksaan] [merujuk kepada sistem baru STPM]? Sekarang ini macam-mana pula?

**AH : Ia menggunakan sistem *pointer* [markah purata] untuk *tiga* [3] semester.**

DAS : Tiap-tiap semester. Kalau ikut setiap semester pun bagus. Jadi kita- dia tiap-tiap semester dia ada *exam* [peperiksaan]. Jadi dia menolong murid-murid yang agak sukar

mengingati banyak perkara. Menolong murid-murid macam saya ini kan? Jadi sekurang-kurangnya kita menumpukan pada- semester itu. Lepas itu ambil *exam* [peperiksaan]. Lulus- lulus *lah* [tabiat percakapan]. Tidak ambil *exam* [peperiksaan] ambil balik. Jadi dia lebih banyak menolong kepada- pada murid *lah* [tabiat percakapan]. Oleh kerana setelah kita- lulus itu kita boleh buat. Kita boleh rujuk balik buku dan sebagainya tapi kalau kita nak ingatkan semua *dua* [2] tahun punya pelajaran kita nak masukkan pada satu *final exam* [peperiksaan akhir] terlalu banyak untuk kita mengingatinya. Jadi kalau untuk semester ke semester itu- pada saya baik *lah* [tabiat percakapan]. Oleh kerana- semasa saya di *U.S.* [United States] kita ikut sistem semester. Setiap semester ada *exam* [peperiksaan]. Itu yang keputusan saya baik sekali. Sebab kita tumpukan pelajaran masa *itu* [merujuk kepada semester] sahaja kan? Belajar-belajar lepas itu ambil *exam* [peperiksaan] dan lepas itu benda lain pula. Tapi kalau semua dikumpulkan pada satu tahun lepas itu ada *exam* [peperiksaan]- mungkin keputusannya tidak begitu baik.

**AH : Pada pandangan Dato', adakah sistem pendidikan Malaysia di peringkat rendah efektif, kuat dan setaraf dengan sistem pendidikan di luar negara?**

DAS : Saya rasa pendidikan kita sudah cukup baik. Cukup baik. Kadang-kadang orang tidak tahu- "Oh, kita mesti ubah korikulum! Kita mesti ubah itu. Oh, kita mesti ubah ini dan itu," Tetapi dia sebenarnya tidak tahu apa yang perlu diubah- apa sebenarnya berlaku. Dia- sedap cakap sahaja. Ubah itu ubah ini. *So* [jadi] pada pandangan saya sistem pendidikan kita dah baik dan perubahan-perubahan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran adalah untuk menambah baik lagi.

**AH : Bagaimana pula dengan sistem pendidikan tinggi Malaysia?**

DAS : Sistem pendidikan tinggi saya rasa sekarang ini terlalu banyak universiti-universiti swasta. Terlalu banyak universiti swasta yang mana walaupun ada- apa standard *qualification* [kelayakan] dan sebagainya--- saya tidak berapa pasti dia punya (suara wanita dan kanak-kanak) nilai. Kualiti universiti-universiti swasta. Dan pada universiti-universiti- awam ini, kerajaan punya, boleh di perhebatkan.

**AH : Dato' pernah menghasilkan kerja lisan seperti artikel, jurnal?**

DAS : Saya tidak banyak menulis. Sebab *paper-paper* [kertas kertas] itupun tidak banyak. Kerana hendak menulis ini memerlukan kajian yang- mendalam dan tidak ada- masa dan tidak begitu minat untuk menulis.

**AH : Apakah anugerah atau pengiktirafan yang baru-baru ini Dato' perolehi?**

DAS : Sudah lama tidak dapat apa-apa (ketawa). Paling baru saya rasa- anugerah dari kerajaan Vietnam. Dia punya anugerah pun saya tidak berapa ingat apa anugerah dia. Tapi menghargai sumbangan-sumbangan saya lepas saya bekerja di Bangkok dan juga sumbangan saya kepada Vietnam.

**AH : Apakah pendapat Dato' mengenai peranan *UITM* [Universiti Teknologi Mara] dalam mempertahankan kaum bumiputera. Adakah ianya wajar?**

DAS : Wajar sangat *lah* [tabiat percakapan]. Oleh kerana kaum lain pun ada *multiuniversity* [universiti pelbagai] seperti *UTAR* [Universiti Tungku Abdul Rahman] banyak universiti-universiti swasta. *UITM* [Universiti Teknologi Mara] patut dan mesti

mempertahankan fungsi dia sebagai sebuah institusi untuk bumiputera. Kalau tidak ada *UITM* [Universiti Teknologi Mara]- rasa lagi kecewa *lah* [tabiat percakapan] bumiputera.

**AH : Dato' berpuas hati dengan apa yang dicapai sepanjang hidup Dato'?**

DAS : Saya bersyukur. Kita- saya bersyukur apa yang Tuhan [Allah S.W.T.] bagi kepada saya. Bagi pada kami. Kita- *satisfaction* [kepuasan] itu kita- ada *level* [tahap]. Ada orang yang- banyak duit, banyak harta pun dia tidak- cukup *kan* [tabiat percakapan]? Bagi saya apa yang saya ada lebih daripada mencukupi. *Just* [Cuma]- mungkin seperti saya kata cita-cita saya tidak begitu- tinggi *kan* [tabiat percakapan]? Ada *comfortable life* [hidup selesa], ada rumah sikit, kereta, boleh travel, tidak runsing. Jadi- saya bersyukur apa yang saya ada dan--- tidak mahu ada lebih banyak daripada itu (ketawa). Oleh kerana kalau kita ada lebih banyak daripada itu- macam-macam masalah pun akan timbul. Kalau banyak sangat duit, banyak harta, hendak ada *bodyguard* [pengawal peribadi] ada itu ada ini. Macam-macam. Saya juga puas hati apa yang- cukup bersyukur apa yang Tuhan bagi. Allah bagi pada saya. Tidak mahu apa-apa lagi. Ada satu dua perkara itu- *that is my personal ambition* [itu cita-cita peribadi saya] tapi bersyukur apa yang ada.

AH : **Pada pendapat Dato', apa khidmat yang paling berinilai yang Dato' pernah sumbangkan dalam hidup Dato'?**

DAS : Yang saya kata tadi pada institusi politeknik dan institusi- kolej komuniti dan juga yang- untuk murid-murid membaca dan menulis. Saya kata *tiga* [3] perkara ini *lah* [tabiat percakapan].

AH : **Apakah perkara yang Dato' ingin capai selepas ini?**

DAS : Yang saya nak capai *ya* [tabiat percakapan]? Saya nak fasih membaca Al-Qur'an. Saya hendak boleh menghafal banyak surah-surah Al-Qur'an. Saya boleh baca bahasa Arab-Arab dan boleh faham dan juga boleh- bila orang baca ayat-ayat Al-Qur'an saya boleh faham- maknanya dan juga saya hendak mahir dalam bidang fotografi. Daripada ambil gambar kepada- *editing* [menyunting] dan sebagainya. *So* [jadi] mengambil gambar saya mungkin ada- projek yang saya nak buat. Mungkin saya nak ambil gambar-gambar masjid, surau, sekolah yang cantik-cantik kan? Ambil gambar dulu lepas itu--- *compile* [menyusun] ke tidak tahu lagi *lah* [tabiat percakapan].

Tapi- macam itu *lah* [tabiat percakapan]. Pasal negara kita ada banyak masjid-masjid yang cantik, surau-surau yang cantik, permandangan yang cantik-cantik semua *kan* [tabiat percakapan]? Jadi kalau kita boleh *capture* [tangkap] perkara-perkara itu kan? Lepas itu kita boleh *compile* [menyusun]. *Just* [hanya] untuk *my own compilation* [kompilasi saya sendiri] ke *kan* [tabiat percakapan]? Dan juga- bila dah pandai kalau anak saudara bertunang ke, majlis kenduri kahwin ke, kita boleh- ambil fotografi yang

begitu cantik sekali. Kalau sudah pandai esok *compile* [menyusun] itu sebagai satu hadiah daripada kita. Macam itu *lah* [tabiat percakapan]. (ketawa).

AH : **Menurut pandangan Dato', apakah aspek-aspek yang diperlukan untuk menjadi pendidik yang terbaik?**

DAS : (Bunyi peralatan elektronik) Bukan sahaja pendidik dari- seorang pegawai atau seorang- pekerja yang terbaik *kan* [tabiat percakapan]? Kita kena buat pemilihan yang- betul. Kita pilih apa yang kita hendak buat. Kita pilih hendak jadi ustaz ke, kita pilih hendak jadi cikgu ke, kita pilih hendak jadi jurutera, kita kena buat- pilihan yang tepat. Setelah kita buat pilihan yang tepat senang kita hendak jadi pekerja yang terbaik. Lepas buat pilihan yang tepat kita mesti komited. Kita mesti- komited. Kita mesti *honest* [jujur] pada diri sendiri. Kita mesti- amanah. Bila kita kata komited itu kita kena buat *more than - hundred percent* [lebih dari seratus peratus].

Dan juga kita mesti- bekerjasama. Kalau kita nak buat sesuatu kita tidak boleh buat sendiri. Kita hendak buat pendidik yang baik ke, kita hendak buat- sebagai pegawai yang baik ke, kita mesti- boleh bekerjasama dengan rakan sebaya kita. Rakan sekerja kita, dengan bos kita, dengan orang bawah kita. *So* [jadi] mesti ada kerjasama. Mesti ada- *partnership* [perkongsian]. Dan yang penting- pun kita kena ikhlas. Kita bila buat sesuatu sebagai seorang pendidik atau pegawai ke, kita kena mesti ikhlas dalam menjalankan tugas kita. Seperti juga mana ibadat-ibadat kita kan? Kita mesti- ikhlas.

Dan juga untuk menjadi pegawai- pendidik kita mesti ada ilmu yang- yang cukup. Mesti mahir dalam- menjalankan tugas kita. Kalau jadi cikgu mesti ada ilmu yang cukup. Jadi ustaz mesti ada ilmu yang- jadi apa-apa *lah* [tabiat percakapan] mesti ada ilmu yang cukup. Mesti ikhlas dalam buat kerja. Mesti komited. Mesti jujur. Mesti ada- boleh kerjasama antara rakan sekerja dengan- bos dan sebagainya. Dan juga- mesti bersyukur. Mesti bersyukur. Bersyukur apa- yang diberi kepada kita. Bersyukur- kepada tugas kita sebagai seorang guru. Sebagai seorang- pegawai. Kalau kita sentiasa bersyukur bermakna kita akan menjalankan tugas kita dengan komited.

**AH : Apakah harapan Dato' pada semua pelajar, terutamanya student *UITM* [Universiti Teknologi Mara]?**

DAS : Kena- belajar--- belajar bersungguh-sungguh. Belajar bersungguh-sungguh dan- semasa belajar jangan campur-adukkan dengan perkara-perkara yang- menganggu pelajaran. Contohnya berpolitik atau aktiviti-aktiviti yang--- tidak menyenangkan. Terutama sekali berpolitik. Nak berpolitik lepas belajar. Semasa belajar, belajar bersungguh-sungguh dan sentiasa ingat bahawa--- mereka [pelajar] adalah nadi, orang kata- tunjang atau apa yang menentukan sama ada Malaysia akan datang akan- dipunyai oleh- majoriti orang Melayu ataupun akan hilang langsung. *So* [jadi] amat penting pelajar-pelajar sedar itu. Macam sekarang pun- suara Melayu pun diperlekehkan orang *kan* [tabiat percakapan]? Jadi pelajar-pelajar *UITM* [Universiti Teknologi Mara] mesti berusaha keras supaya suara-suara orang Melayu tetap di- diikuti atau dikagumi. Apa yang dikata jangan buat sesuatu yang akan melenyapkan hak-hak keistimewaan orang Melayu.

AH : **Soalan terakhir Dato'. Apakah harapan Dato' untuk masyarakat warga Malaysia mahupun pembaca transkrip ini nanti.**

AS : Saya rasa- (ketawa) yang ini untuk akademik sahaja kan? Jadi saya tidak perlu orang tahu *lah* [tabiat percakapan] (ketawa). Ini untuk akademik sahaja kan? Tidak perlu apa ini lah. Oleh kerana apa yang saya katakan mungkin kontroversi. Itu apa yang saya- katakan bila saya kata *PPSMI* [Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris] memang- tidak betul kan? Mungkin itu menjadi satu isu tetapi memang tidak betul lah. *So* [jadi] pada harapan saya biar *lah* [tabiat percakapan] jadi akademik dahulu. Pada masa ini saya tidak- hendak apa orang kata-nak hidup aman-damai (ketawa). Tidak mahu menimbulkan apa-apa kontroversi. Tapi oleh kerana- tujuan akademik saya beritahu. Pasal sudah cukup sangat kontroversi yang saya lalui. *So* [jadi] sekarang zaman untuk tenang. Aman dan tenang.

AH : **Akhir kata, terima kasih dari pihak kami atas segala kerjasama yang telah diberikan dan kami minta maaf atas segala segala kesalahan dan kekurangan semasa temu bual ini.**

**Transkrip Tamat**

# LOG WAWANCARA

# Log Wawancara

**Bahagian A: Latar Belakang Tokoh**

| **MASA** | **PERKARA DIBINCANG** | **NAMA / TEMPAT DIRUJUK** |
|---|---|---|
| 10.30 am | Latar belakang tokoh | • Lahir 15 Julai 1951<br>• Berasal dari Panchor, Muar, Johor<br>• Sekarang menetap di Selangor<br>• Jawatan terakhir sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Pelajaran<br>• Jawatan terakhir sebagai Pengarah SEAMEO Seketerian di organisasi antarabangsa SEAMEO |
| 10.33 am | Latar belakang keluarga | • Ayah seorang anggota Polis pangkat Korporal di Balai Polis Panchor<br>• Isteri bernama Asiah Binti Kadir |

| | | |
|---|---|---|
| 10.38 am | Latar belakang adik beradik | • 11 orang adik beradik<br>• Anak sulung ialah Ismail Sipon. Tokoh merupakan anak kedua.<br>• Hamidah Sipon bekerja sebagai pegawai cukai pendapatan<br>• Jamilah bekerja sebagai guru kolej vokasional<br>• Dzulkifli Sipon bekerja di NPC tetapi sudah bersara dan membuat perniagaan sampingan |
| 10.43 am | Cita-cita tokoh | • Tan Sri Shukor, bekas ketua |
| 10.49 am | Latar belakang pendidikan | • Panchor English School<br>• Saint Andrew School<br>• Muar High School<br>• Colombo Scholarship<br>• University of Adelaide |

| | | |
|---|---|---|
| 10.55 am | Hobi | • Main golf<br>• Fotografi<br>• Tanam bunga<br>• Belajar Bahasa Arab<br>• Mendalami Al-Quran |

**Bahagian B: Kerjaya Tokoh**

| MASA | PERKARA DIBINCANG | NAMA / TEMPAT DIRUJUK |
|---|---|---|
| 11.06 am | Pekerjaan | • Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak<br>• Politeknik Kuantan<br>• Politeknik Batu Pahat<br>• Bahagian Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia<br>• Jabatan Pendidikan Teknikal Kementerian Pendidikan Malaysia |
| 11.19 am | Penyertaan Organisasi | • SEAMEO VOCTECH |

**Bahagian C: Soalan Khusus**

| MASA | PERKARA DIBINCANG | NAMA / TEMPAT DIRUJUK |
|---|---|---|
| 11.40 am | Pemansuhan dasar PPSMI | • Tidak bersetuju dengan pemansuhan PPSMI<br>• Hanya pelajar 30 peratus ke atas mampu buat, tetapi baki 70 peratus tidak mampu<br>• Tiada apa cara yang boleh digunakan untuk memperbaiki PPSMI |
| 11.52 pm | Pemansuhan PMR | • Tidak bersetuju dengan pemansuhan PMR<br>• Berpendapat bahawa pelajar-pelajar tidak akan beajar bersungguh-sungguh tanpa peperiksaan besar |
| 12.03 pm | Pemansuhan STPM | • Bersetuju dengan pemansuhan STPM<br>• Peperiksaan STPM terlalu sukar<br>• Boleh membantu pelajar-pelajar yang kurang cemerlang |

| | | |
|---|---|---|
| 12.12 pm | Pencapaian terbaik | • Terlibat dalam pembesaran kolej vokasional<br>• Terlibat dalam penubuhan kolej komuniti<br>• Menekankan program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis |
| 12.18 pm | Nasihat kepada pendidik | • Nasihat beliau kepada semua<br>• Mesti membuat pilihan tepat, jujur, komited, amanah, boleh bekerjasama dan bersyukur |
| 12.22 pm | Peranan UITM | • Pelajar UITM harus kuatkan usaha supaya boleh mewakili kaum Melayu agar suara Melayu tidak diperlekehkan |

# SENARAI SOALAN

**Senarai Soalan**

**Bahagian A: Latar Belakang Tokoh**

1. Bismillahirrahmainirahim. Mula-mula kami hendak minta Dato' perkenalkan diri terlebih dahulu.
2. Adakah Dato' gemar melancong?
3. Dato' berasal dari mana?
4. Berapa tahun Dato' menetap di Selangor?
5. Dato' tinggal bersama siapa?
6. Adakah ibu bapa Dato' masih hidup?
7. Boleh kami tahu latar belakang ibu bapa Dato'?
8. Berapakah bilangan adik-beradik Dato'?
9. Adakah Dato' anak sulung daripada adik-beradik Dato'?
10. Adakah adik-beradik Dato' tinggal berdekatan dengan Dato'?
11. Apakah pekerjaan adik-beradik Dato'?
12. Siapa yang menjadi tulang belakang dan menyokong Dato' selama ini?
13. Apakah cita-cita Dato'?
14. Boleh kami ingin tahu cita-cita Dato'daripada kecil?
15. Dimanakah Dato' mendapat pendidikan awal peringkat rendah dan menengah?
16. Adakah Dato' aktif di dalam kokurikulum semasa di peringkat menengah?
17. Adakah Dato' pernah menyertai mana-mana pertandingan yang mewakili daerah atau sekolah?
18. Dato' ambil jurusan apa semasa di universiti?
19. Adakah kos itu pilihan Dato' sendiri?

20. Adakah Dato' pernah bekerja sambilan?

21. Boleh Dato' ceritakan sedikit pengalaman belajar di luar Negara dengan di Malaysia?

22. Bagaimana pengalaman Dato' semasa di luar Negara?

23. Adakah Dato' pernah mendapat dekan semasa di universiti?

24. Setiap semester?

25. Mengapa Dato' berubah jurusan daripada kejuruteraan elektrik semasa peringkat ijazah sarjana muda pertama kepada jurusan pendidikan semasa di peringkat ijazah sarjana muda?

26. Adakah Dato' aktif dalam mana-mana kelab atau persatuan semasa di universitI?

27. Apakah kenangan yang Dato' tidak boleh lupakan semasa di universiti?

28. Adakah universiti di luar Negara juga mempunyai Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)?

29. Adakah Dato' pernah menyertai MPP?

30. Apakah nama isteri Dato'?

31. Adakah isteri Dato bekerja?

32. Berapakah bilangan anak Dato'?

33. Dimanakah anak-anak Dato' tinggal?

34. Tahun berapa Dato' mendirikan rumah tangga?

35. Hobi Dato' masa waktu lapang?

36. Adakah hobi itu boleh dibuat perniagaan?

37. Apa yang mendorong Dato' untuk berminat mengambil gambar?

**Bahagian B: Kerjaya**

38. Dato', sekarang kita akan pergi ke Bahagian B, Kerjaya. Boleh Dato' beritahu pekerjaan Dato's selepas menamatkan pengajian peringkat tinggi?
39. Tahun berapa Dato' mula-mula bekerja sebagai pensyarah?
40. Bagaimana Dato' dapat kerja sebagai pensyarah?
41. Apakah pengalaman manis Dato' semasa bekerja di Ungku Omar?
42. Dato' kemudian mendapat jawatan dalam Kementerian Pendidikan. Bagaimana Dato' dapat jawatan tersebut?
43. Apakah sumbangan Dato' semasa Dato' menyandang jawatan tertinggi di Kementerian Pendidikan?
44. Dato' pernah serta mana-mana pertubuhan, organisasi atau *NGO* [*Non-Government Organization*]?
45. Menurut kami punya kajian, Dato' merupakan salah seorang ahli lembaga dalam *SEAMEO* [South East Asian Ministers of Education Organization] VOCTECH [Vocational and Techinical]?
46. Apakah sumbangan Dato' semasa menjadi ahli lembaga pengarah SEAMEO?
47. Dato' pernah terpilih untuk menjadi ahli lembaga dalam organisasilain?
48. Selain itu kami mendapat tahu Dato' juga seorang yang penting dalam Pusat Sains Negara. Adakah benar?
49. Pada tahun berapakah Dato' dilantik menjadi Timbalan Pengarah Kementerian Pendidikan?
50. Bagaimana Dato' dipilih menjadi Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan?
51. Pada pandangan Dato', apakah pencapaian Dato' yang pernah Dato' capai.

52. Kenapa pencapaian tersebut merupakan pencapaian terbaik Dato'?
53. Selain pencapaian Dato' bersama SEAMEO, adakah Dato' mempunyai pengiktirafan lain di peringkat antarabangsa?
54. Pada tahun berapa Dato' menerima pangkat kebesaran sebagai Dato'?
55. Apakah faktor yang menyumbang Dato' untuk mendapat pangkat tersebut?
56. Pada tahun berapakah Dato' bersara?
57. Dato' ada terlibat dengan perniagaan?

## Bahagian C: Soalan Khusus

58. Adakah dasar *PPSMI* [Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris] berkesan ketika dilaksanakan di Malaysia?
59. Adakah Dato' bersetuju dengan dasar PPSMI [Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris] tersebut?
60. Pada pandangan Dato', sekiranya PPSMI masih dilaksanakan apakah langkah untuk menambah baikan PPSMI [Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris] ini?
61. Pada pandangan Dato' adakah PMR perlu dimansuhkan?
62. Bagaimana pula dengan *STPM* [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia] yang telah digantikan dengan sistem universiti? Adakah Dato' anggap sistem itu dapat meningkatkan martabat pengajian peringkat pra-universiti?
63. Ia menggunakan sistem *pointer* [markah purata] untuk *tiga* [3] semester.
64. Pada pandangan Dato', adakah sistem pendidikan Malaysia di peringkat rendah efektif, kuat dan setaraf dengan sistem pendidikan di luar negara?
65. Bagaimana pula dengan sistem pendidikan tinggi Malaysia?
66. Dato' pernah menghasilkan kerja lisan seperti artikel, jurnal?
67. Apakah anugerah atau pengiktirafan yang baru-baru ini Dato' perolehi?
68. Apakah pendapat Dato' mengenai peranan *UITM* [Universiti Teknologi Mara] dalam mempertahankan kaum bumiputera. Adakah ianya wajar?
69. Dato' berpuas hati dengan apa yang dicapai sepanjang hidup Dato'?
70. Pada pendapat Dato', apa khidmat yang paling berinilai yang Dato' pernah sumbangkan dalam hidup Dato'?

71. Apakah perkara yang Dato' ingin capai selepas ini?

72. Menurut pandangan Dato', apakah aspek-aspek yang diperlukan untuk menjadi pendidik yang terbaik?

73. Apakah harapan Dato' pada semua pelajar, terutamanya student *UITM* [Universiti Teknologi Mara]?

74. Soalan terakhir Dato'. Apakah harapan Dato' untuk masyarakat warga Malaysia mahupun pembaca transkrip ini nanti.

# RUJUKAN

# Rujukan

Sipon, D. D. (2014, April 16). Wawancara bersama Dato' Dr Ahamad Bin Sipon. (A. Hafiz, & M. Syazwan, Interviewers)

SEAMEO Secretariat. (2007, December 14). *SEAMEO Library*. Retrieved April 10, 2014, from SEAMEO:
http://www.seameo.org/vl/library/dlwelcome/photogallery/director/Ahamad/ahamad.html

# LAMPIRAN

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Machang, Kelantan

## PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Dato' Dr. Ahamad Sipon pada 16 April 2014.

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/~~tidak perlu~~ disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah ~~tanpa syarat-syarat~~ / dengan **syarat:** -

   Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari .................. (tarikh). Dipersetujui pada ....................... oleh kedua pihak yang berkenaan.

..............................

Pengkisah (Tokoh)

Dato' Dr. Ahamad Sipon.

..............................

Dr. Hj. Ghazali Bin Osman,

Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

**Pejabat Timbalan Rektor**
**(Hal Ehwal Akademik)**
Deputy Rector Office
(Academic Affairs)

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan**
Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan, Malaysia
Website : http://www.kelantan.uitm.edu.my
Tel : (09) 976 2266/976 2162 Faks : (09) 976 2156
Email : tpheakln@kelantan.uitm.edu.my

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Tarikh : 13 Mac 2014
No. Fail : 100-KK(HEA 30/7/2)

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan

**PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

| BIL | NAMA | NO. UiTM |
|---|---|---|
| 1. | AIMAN HAFIZ BIN MOHD SAM | 2011900151 |
| 2. | MUHAMMAD SYAZWAN BIN DZULKIFLI | 2011107215 |

Adalah dimaklumkan bahawa penama-penama di atas merupakan pelajar dari **IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT**, Bahagian 5 yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan matapelajaran yang mereka ikuti iaitu **ORAL DOCUMENTATION (IMR604).**

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **AIMAN HAFIZ BIN MOHD SAM** di talian **017-5207033.**

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat yang diberikan.

Sekian terima kasih.

Yang benar

IMRAN BIN MOHAMED @ ISMAIL
**Penolong Pendaftar Hal Ehwal Akademik**
b/p : TIMBALAN REKTOR AKADEMIK



**Gambar 1: Pemberian plak perhargaan UITM kepada tokoh Dato' Ahamad**

# INDEKS

## Indeks

*A*

Adelaide University,vii, 9, 45

Australia, vii, 7, 11, 33

Asiah Binti Kadir, vii, 14, 44

*B*

Bachelor of Electrical Engineering, vii

Bahasa Arab, 3, 15, 16, 28, 33, 35, 39, 44, 46, 54

Bahasa Inggeris, 11, 12, 30, 31, 32, 33, 34, 42, 55

*C*

Colombo Plan, 7, 9, 45

Committee Member, viii

Chairman, viii

*D*

dekan, 12, 52

dean, 12

Dzulkifli Sipon, 6, 45

*I*

Intan Selwani Binti Dato' Dr Ahamad, vii

Intan Diyana Binti Dato' Dr Ahamad, vii

*J*

Johor, vii, 3, 19, 44

*K*

Kementerian, 20, 21, 22, 24, 26, 36, 47, 53

Kuantan, 19, 47

komuniti, 23, 24, 27, 28, 39, 49,

*L*

lantikan, 20

langkah, 32, 55

***E***

Electrical Engineering, vii, 10, 15

editing, 17, 39

***F***

fotografi, 39, 46

***G***

gambar, 17, 18, 39, 52, 61

***H***

Hamidah Sipon, 6, 45

***M***

Masters, vii, 8, 9, 11, 12, 15, 20

***N***

NPC, 6, 45

NGO, 24,53

***O***

OCS, 4

organisasi, 24, 26, 44, 47, 53

***P***

Panchor, vii, 3, 4, 9, 44, 45

Pengarah, ii, iv, x, 2, 3, 4, 19, 20, 23, 25, 26, 27, 28, 32, 34, 44, 53

pendidikan, ii, iv, vii, x, 2, 9, 13, 15, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 26, 27, 34, 36, 37, 44, 45, 47, 51, 52, 53, 55

PhD, vii, 8, 9, 11, 12, 13, 15, 20

politeknik, vii, 8, 19, 20, 22, 23, 24, 27, 28, 39,
47

***Q***

Quran, 3, 10, 35, 46,

***S***

sistem, 35 36 37 55

SEAMEO, vii, viii, 3, 24, 25, 28, 44, 47, 53,
54, 58

***T***

teknikal, 20, 25, 26, 27, 47

***U***

UITM, x, 26, 28, 32, 36, 37

universiti, vii, viiii, 9, 10, 12, 13, 14, 15, 16,
26, 35, 37, 38, 41, 51, 52, 55, 56

***V***

Virginia Polytechnic Institute, vii

VOCTECH, viii, 24, 25, 47, 53